

0000
MAHATHIR - BANK
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 12 JUN (BERNAMA)—KERAJAAN BERHARAP DAPAT MENYIAPKAN DRAF PERUNDANGAN BAGI BANK ISLAM YANG DICADANGKAN BAGI MEMBOLEHKAN SATU RANG UNDANG-UNDANG PENUBUHAN SEGERA BANK ITU DIBENTANGKAN DI PERSIDANGAN PERLINEN AKAN DATANG, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

"KITA BERHARAP DAPAT MENUBUHKANNYA SECEPAT MUNGKIN," KATANYA KEPADA PARA PEMERITA SELEPAS MERASMIKAN HEBYUARAT PERTAMA BAJAJE DANWAH ISLANIAK RANTAU ASIA TENGGARA DAN PASIFIK (RISSEAP) DI SINI.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENUBUHAN BANK ISLAM TIDAK AKAN MENJEJASKAN SISTEM BANK YANG ADA SEKARANG DI NEGARA INI.

JAWATANKUASA YANG MENKAJI PENUBUHAN BANK ITU DIPENGERUSIKAN OLEH PENASIHAT EKONOMI KEPADA PERDANA MENTERI, TAN SRI RAJA MOHAR RAJA BADIOZAMAN TELAH MENKAJI PERUNDANGAN ITU DAN KINI MEMBUAT BEBERAPA PINDAAN MENGENAI FASA PENUBUHAN BANK ITU.

TERDAHULU DARI ITU DALAM UCAPANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA UMAT ISLAM DI RANTAU INI MENUNJUKKAN MINAT MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN BANK TERSEBUT.

"KITA CUBA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMASTIKAN KEMUDAHAN BANK ITU AKAN MEMBERIKAN FAEDAH KEPADA SEMUA UMAT ISLAM," TAMBAH BELIAU.

--BERNAMA 1200/HM